



**KENYATAAN MEDIA YAB PERDANA MENTERI DI SESI DIALOG
TRANSFORMASI NASIONAL YAB PERDANA MENTERI BERSAMA-
SAMA PENJAWAT AWAM MUDA**

**OLEH : YAB DATO' SRI NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK,
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**TEMPAT : DEWAN UTAMA, KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA,
PUTRAJAYA**

TARIKH : 31 MEI 2017

1. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bersama-sama agensi peneraju TN50 penjawat awam iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) YAB Perdana Menteri Bersama-sama Penjawat Awam Muda di Putrajaya hari ini.
2. Dialog yang julung-julung kali melibatkan YAB Perdana Menteri bersama-sama penjawat awam muda ini merupakan platform perkongsian aspirasi dan pengharapan penjawat awam berkaitan perkhidmatan awam menjelang 2050. Majlis yang dihadiri oleh lebih kurang 1,000 orang penjawat awam muda ini telah berlangsung dengan lancar bermula dengan ucapan pembukaan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara yang juga berperanan sebagai moderator sebelum disusuli dengan sesi dialog oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama para peserta.

3. Perkhidmatan awam sebagai satu organisasi mega perlu tangkas menyesuaikan diri dengan perubahan trend-trend mega yang sedang merubah landskap dunia. Menjangkau trajektori perjalanan tiga puluh (30) tahun menuju TN50, perkhidmatan awam digesa agar berevolusi dan mencari penyelesaian secara kreatif dan inovatif menerusi kepelbagaian teknologi digital dalam mengatur strategi dan menterjemah aspirasi negara. Pada masa hadapan, rakyat mengharapkan perkhidmatan awam yang lebih *personalised*, mesra, interaktif dan empati, selaras dengan acuan masyarakat pintar (*smart communities*). Peranan perkhidmatan awam daripada “penyampaian oleh kerajaan untuk rakyat”, kepada paradigma “kerajaan dan rakyat sebagai rakan pencipta” juga bakal menjadi mantera di era 2050.

4. Aspirasi wacana nasional TN50 yang bakal membawa naratif baharu dalam melakar hala tuju negara perlu mengangkat falsafah dan etos baharu yang diletakkan di atas landasan inklusiviti, integriti dan berfokuskan rakyat kerana ia merupakan preskripsi kelangsungan perkhidmatan awam dalam memenuhi *raison d’etre* nya kepada pertiwi. Model perkhidmatan awam yang holistik dan ekstensif juga perlu dilestarikan dengan ciri-ciri keinsanan sempurna dalam ikhtiar merealisasikan negara bangsa yang benar-benar berwibawa dan berminda cemerlang.

**Disediakan oleh:
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan
Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
03-8872 3138 / 017-696 3732**